



**ABDUL HALIM**

# Abdul Halim pendaftar baharu UTHM

BATU PAHAT 3 Jun - Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) menerima pendaftar baharu, Abdul Halim Abdul Rahman bagi menggantikan Sulam Hamid yang bersara pada 21 Mei lalu.

UTHM dalam satu kenyataan di sini memaklumkan, Abdul Halim yang merupakan Timbalan Pendaftar Kanan di Pejabat Pengurusan Akademik, UTHM dilantik ke jawatan baharu berkuat kuasa 22 Mei lalu.

Pemegang Ijazah Sarjana Pengurusan Sumber Manusia dari University of Waikato, New Zealand itu mula berkhidmat di UTHM pada 2001 sebelum dipinjamkan seketika ke Universiti Malaysia Kelantan (UMK) pada awal 2010.

Sementara itu, Abdul Halim menyifatkan pelantikannya merupakan satu tugas besar yang perlu digalas dan berharap mendapat bantuan dan sokongan semua pihak bagi memastikan perancangan yang dibuat pihak universiti tercapai.

“Saya bertekad untuk membawa beberapa pembaharuan kepada UTHM khususnya dalam bidang perkhidmatan demi menaikkan imej universiti ini,” katanya.

Dalam pada itu, UTHM turut merakamkan penghargaan kepada Sulam yang banyak menabur bakti kepada universiti tersebut sebaik memulakan tugas selaku Pendaftar sejak 2006.

UTHM menyifatkan beliau seorang pegawai yang berdedikasi dan amat disenangi kerana sikap mudah mesra dan tidak lokek ilmu yang ditunjukkannya.

Sulam mula berkhidmat sebagai Timbalan Pendaftar pada Jun 2003 dengan berstatus pinjaman daripada Pejabat Tanah dan Galian Melaka.

Beliau mula dilantik sebagai Pendaftar secara pinjaman pada 16 Mac 2006 sehingga dinaikkan ke jawatan Pendaftar berstatus tetap pada 15 Mac 2008.